

Soalan No :23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]

TARIKH : 12.3.2015

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat sebarang polisi atau perlindungan kepada guru yang membawa pelajar untuk aktiviti luar sekolah (Ko-kurikulum).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited menjaga kebajikan dan keselamatan guru-guru dalam memastikan aktiviti ko-kurikulum dapat dijalankan dengan sempurna dan selamat. KPM telah menyalurkan bantuan persekolahan di bawah Bantuan Geran Per Kapita (PCG) dan Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) yang membolehkan peruntukan dibelanjakan untuk pembelian polisi atau perlindungan insurans kepada murid dan guru pengiring bagi semua aktiviti ko-kurikulum di sekolah dan asrama.

Hal ini termaktub dalam Surat Pekeliling Kewangan Bil. 8/2012 : Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan Ke

37

Sekolah Berdasarkan Perkapita dan Enrolmen Murid dan Skim Bayaran Pampasan (Ex-Gratia) bagi pegawai kerajaan yang ditimpa kemalangan atau kecederaan termasuk anasir-anasir jahat semasa menjalankan tugas rasmi. Peruntukan ini disalurkan terus ke semua jenis Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan di seluruh Malaysia.

RJM20